

Suasana Santai Sambil Menjamu Selera

Cafe Bayu Cabana

Saji Beraneka Pilihan



Suasana makan malam di Cafe Bayu Cabana cukup santai

Oleh **MISROM MATLEHAM**

AYER KEROH, 12 Julai- Suasana malam di Cafe Bayu Cabana, berhampiran kolam renang di Philea Resort & Spa meriah dengan kehadiran pengamal media cetak dan elektronik tempatan yang diraikan sempena majlis mempromosikan 'Surf and Turf & Sunday Tunch' iaitu satu pakej istimewa yang diperkenalkan oleh resort bertaraf enam bintang berkenaan.

Wakil-wakil media 'dikejutkan' dengan kemunculan enam

orang chef diketuai oleh Chef Azmi Desa yang menyeberangi 'sungai' sambil membawa pelbagai sajian, iaitu sebagai gimik pelancaran promosi Surf and Turf & Sunday Tunch'.

Lebih 100 menu disajikan. Sama ada masakan tempatan atau menu Barat, semuanya mampu memenuhi citarasa pelanggan dengan harga yang cukup berpatutan.

Pengurus Besar Philea Resort & Spa, Ung Beng Huat berkata, 'Surf and Turf & Sunday Tunch' memberi banyak pilihan kepada



Sebahagian dari wakil-wakil media yang hadir pada majlis pelancaran promosi 'Surf and Turf & Sunday Tunch' di Philea Resort & Spa, baru-baru ini

pengunjung bagi menikmati beraneka masakan tempatan serta Barat dalam suasana yang cukup santai.

Katanya, Philea Resort & Spa tidak sekadar menawarkan bilik penginapan yang serba mewah sama ada di Pavilion Villa, Philea

Suite atau Royal Villa, malah pengunjung juga berpeluang menikmati pelbagai menu istimewa yang tentunya menjanjikan kelainan.

"Selain menjamu selera di Cafe Bayu Cabana, pengunjung juga mempunyai pilihan menikmati keenakan sajian di Cravo Cravo, Nusantara, The ChillOut Pub atau Tropic Lounge dalam

suasana yang cukup eksklusif," ujarnya.

Turut hadir pada majlis tersebut Pengarah Pemasaran dan Komunikasi, Connie Chin; Ketua Pengarang Eksekutif MHI, Ishak Dalib; Ketua Biro Utusan Malaysia, Amran Mulup; Ketua Biro Bernama, Mohamad Bakri Darus serta wakil-wakil dari media tempatan.



Chef Azmi (kanan sekali) bersama rakan-rakan



Seorang Chef sibuk menyediakan menu kepada pengunjung